

Dataran perakam sejarah

Oleh SAHBULAH DARWI
(WARTAWAN UTUSAN)

DATARAN Pemuda Merdeka di Butterworth, Pulau Pinang atau dahulunya dikenali sebagai padang British Recreation Club (BRC) cukup dekat di hati penduduk negeri ini termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan keluarganya.

Ini kerana, dataran tersebut merakamkan pelbagai kenangan dan peristiwa besar bagi masyarakat negeri ini terutama orang Melayu bahkan menjadi tapak pertama bermulanya sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan di Seberang Perai.

Di padang dataran tersebut terlakar sejarah antaranya, Yang Dipertua UMNO, Datuk Onn Jaafar berkempen menolak Malayan Union pada tahun 1946, pemimpin-pemimpin Melayu menubuhkan UMNO Seberang Perai pada tahun 1949, Persidangan Mesyuarat Agung UMNO pertama Seberang Perai pada 26 Ogos 1949 dan perbarisan raksasa Pemuda UMNO pada tahun 1948 dan perhimpunan kedua pada 1951.

Di dataran tersebut juga tertubuhnya Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada tahun 1949.

Menyorot semula sejarah dataran tersebut, pada awal penubuhannya bangunan setingkat itu adalah tempat bagi pentadbir Seberang Perai termasuk pegawai British yang berpusat di Butterworth menjalankan aktiviti sukan dan sosial kerana ia dilengkapi sebuah rumah kelab untuk aktiviti tersebut.

Pada sekitar tahun 1946 ketika seluruh negara menentang Malayan Union maka Yang Dipertua UMNO, Datuk Onn Jaafar menjalankan kempen dari rumah ke rumah menaiki basikal bermula dari padang dataran itu lalu menjelajah ke seluruh pelosok Seberang Perai untuk menjelaskan kepada orang ramai tentang bantahan terhadap Malayan Union.

Walaupun aktiviti penentangan Malayan Union giat dijalankan dan berpusat di padang itu namun tidak mendapat bantahan daripada British pada ketika itu kerana menganggap ia tidak mengancam penjajah ekoran populasi kaum Melayu hanya di kawasan kampung ketika itu. Dua tahun selepas itu, diadakan perbarisan raksasa Pemuda UMNO yang pertama dengan dirasmikan oleh Datuk Onn Jaafar.


Semasa merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia pada tahun 1999 di Kuala Lumpur, Abdullah yang ketika itu Naib Presiden UMNO menceritakan detik-detik bersejarah ketika perbarisan raksasa tersebut.

Katanya, semasa perbarisan itu Datuk Onn Jaafar berucap memberi amanat kepada barisan Pemuda dengan disaksikan oleh Kapten (Tun) Hussein Onn (Perdana Menteri ketiga) yang pada awal penubuhan UMNO adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO sementara Ahmad Badawi adalah Naib Ketua Pergerakan itu selama 18 tahun lamanya.

Dalam perbarisan bersejarah itu, para Pemuda dibariskan, berdiri tampan dan gagah, berpakaian seragam baju putih ber-epaulet' merah yang bertanda Pemuda dengan tulisan warna kuning dan seluar putih serta bersongkok.

"Datuk Onn terharu melihat disiplin dan semangat para Pemuda ketika itu lalu Allahyarham melafazkan kata-kata bahawa perbarisan tersebut tentulah lebih gagah dan hebat jika setiap Pemuda dilengkapi dengan senapan.

"Kata-kata tersebut ditaksirkan sebagai



DATARAN Pemuda Merdeka di Butterworth yang menyimpan pelbagai kenangan peristiwa besar mengenai kemerdekaan negara di hadapan Jalan Datuk Haji Ahmad Said, Butterworth, Pulau Pinang.

satu ancaman menggerunkan oleh kuasa kolonial Inggeris," katanya.

Perdana Menteri berkata, justeru apabila Sir Gerald Templer memerintah Persekutuan Tanah Melayu, beliau telah mengharumkan Pergerakan Pemuda UMNO berpakaian seragam putih dengan bersongkok.

"Namun kejutuan semangat dan kesungguhan perjuangan tidak mematikan hasrat dan cita-cita perjuangan Pemuda berjuang untuk kemerdekaan tanah air dan memartabatkan bangsa," tegas Perdana Menteri.

Sejak itu, padang itu terus juga dijadikan tempat berkumpul tokoh-tokoh kebangsaan termasuk Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, Syeikh Abdullah Fahim, Hussein Onn (ketika itu Ketua Pemuda UMNO Pusat) dan tokoh serta ulama utama tempatan. Antara yang turut berkumpul ialah Datuk Ahmad Badawi (ketika itu Ketua Pemuda UMNO Butterworth), Haji Ahmad Fuad, Haji Abdul Kadir, Haji Adnan dan Haji Ahmad Said.

Penubuhan

Perjumpaan demi perjumpaan ini secara rasmi atau tidak rasmi bagi membincangkan agenda hala tuju dan penyatuan orang Melayu itu akhirnya membawa kepada penubuhan UMNO di Seberang Perai pada tahun 1949.


Kemudian pada 29 Ogos 1949, Persidangan Mesyuarat Agung UMNO Seberang Perai yang pertama diadakan dan pada persidangan tersebut Datuk Ahmad Badawi mencadangkan supaya UMNO menubuhkan sayap Pemuda.

Cadangan tersebut diterima maka tertubuhlah Perikatan Pemuda UMNO dengan Kapten (Tun) Hussein Onn telah dilantik menjadi ketuanya dan timbalannya ialah Datuk Ahmad Badawi. Perikatan Pemuda UMNO kini dikenali sebagai Pergerakan Pemuda UMNO.

Pada tahun 1951 diadakan perhimpunan raksasa kedua di padang dataran tersebut yang turut dihadiri oleh Abdullah sendiri.

Baru-baru ini, Perdana Menteri sempat mengimbau kenangan bagaimana beliau bersama bapanya menghadiri perhimpunan bersejarah iaitu perbarisan raksasa Pergerakan Pemuda UMNO itu.

"Ketika itu ramai yang datang ke sini



PADANG British Recreation Club (BRC) pada zaman awal penubuhannya sekitar tahun 1940-an dengan dibina bangunan setingkat untuk pegawai pentadbir dan pegawai British mengadakan aktiviti sosial.

- Gambar ihsan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Dataran tersebut merakamkan pelbagai kenangan dan peristiwa besar bagi masyarakat negeri ini terutama orang Melayu bahkan menjadi tapak pertama bermulanya sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan di Seberang Perai

dengan berjalan kaki dari Kepala Batas sejauh 14 kilometer dengan diikuti dua kereta lembu yang membawa dua tempayan berisi air sirap sebagai bekal air minuman untuk mereka yang berjalan itu.

"Walaupun panas terik dan mereka berdiri berjam-jam lamanya dan selepas berjalan jauh, mereka masih bersemangat. Itulah semangat perjuangan kemerdekaan pada masa itu," katanya ketika berucap melancarkan pelan induk Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) peringkat negeri dan seterusnya merasmikan Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi di hadapan dataran itu baru-baru ini.

Demikian juga apabila merasmikan Program Mesra Rakyat di Institut Perguruan Tuanku Bainun (IPTB) pada 4 Ogos lalu, Abdullah sekali lagi mengimbau kenangan tokoh dan ulama dari Seberang Perai yang berjuang bagi membebaskan negara daripada penjajah.

Bekas Setiausaha UMNO Bahagian Kepala Batas, Datuk Md. Noor Ahmad, yang juga rakan baik keluarga Perdana Menteri berkata, perbarisan raksasa diadakan dua kali di padang dataran itu iaitu pada tahun 1948 dan 1951.

"Semasa perhimpunan pada tahun 1951 itu, saya masih ingat Datuk Ahmad Badawi membawa bersama Pak Lah yang ketika itu berusia 12 tahun untuk masuk ke dalam dewan. Ini bermakna, erti perjuangan sudah ditanam dalam jiwa Pak Lah sejak beliau kecil lagi," katanya yang menambah disebabkan perhimpunan kedua anjuran Pemuda UMNO itu maka padang tersebut dinamakan Dataran Pemuda Merdeka.

Padang BRC kemudian melalui beberapa

perubahan iaitu pada tahun 1962 ia dilengkapkan dengan ruang mesyuarat, bilik tetamu dan tandas.

Ia juga dikenali sebagai 'Kelab BRC' terus dikekalkan sebagai kelab rekreasi pelbagai kaum serta terbuka kepada masyarakat Seberang Perai selepas kemerdekaan. Padangnyanya pula terus menjadi tempat menjalankan aktiviti bersukan di peringkat daerah dan negeri dan penganjuran aktiviti rasmi kerajaan dengan diuruskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang Dipertua MPSP, Farizan Darus berkata, pihak berkuasa tempatan itu membina semula bangunan lama menjadi bangunan baru dua tingkat untuk menaikkan taraf bagi kemudahan orang ramai pada Jun 2000.

"Di atas padang seluas kira-kira 12,000 meter persegi sebuah bangunan dua tingkat dengan keluasan kira-kira 4,000 meter persegi dibina bangunan itu yang kini tersergam indah menjadi sebahagian landskap bandar Butterworth," katanya.

Beliau berkata, bangunan berharga RM 5.4 juta itu siap sepenuhnya pada Jun 2001 dan dinamakan sebagai Dewan Datuk Ahmad Badawi sebagai menghargai jasa dan sumbangan bapa Perdana Menteri itu.

Dataran bersejarah terus dijadikan lokasi penganjuran program penting dan terbaru ia dijadikan tapak pelancaran Koridor Utara bagi peringkat Pulau Pinang oleh Perdana Menteri.

Apa pun, dataran yang kedudukannya terletak sejajar dengan Jalan Ahmad Said itu cukup istimewa kerana menyimpan sejarah besar yang perlu dijadikan pengajaran dan iktibar kepada generasi masa kini dan akan datang.